

PM cadang tubuhkan 'America Watch'

U.M 12 OCT 1993

JOHOR BAHRU 11 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya ditubuhkan *Europe Watch*, *America Watch* dan *Australia Watch* untuk memerhati semua salah laku masyarakat di negara berkenaan.

Perdana Menteri yang bercakap dengan nada serius menegaskan, badan pengawas itu perlu berikutan penubuhan *Asia Watch* yang kononnya untuk memerhatikan ketidakadilan yang berlaku di rantau ini.

Katanya, tidak ada istimewanya negara-negara berkenaan sehingga mereka menubuhkan *Asia Watch* untuk memerhati orang-orang Asia yang buat salah, seolah-olah mereka tidak pernah membuat salah.

"Sebaliknya di negara mereka sendiri-pun, mereka melakukan bermacam-macam ketidakadilan, saya syor supaya kita mengadakan *Europe Watch*, *America Watch* dan *Australia Watch*," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita pada majlis perjumpaan dengan pemimpin UMNO Johor di sini petang ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas laporan bahawa sebuah kumpulan bukan ke-

rajaan, Rangkaian Bertindak Hutan Hujan (RAN) di Amerika Syarikat telah mengutip kira-kira RM50,000 dengan membuat cerita mengenai penderitaan masyarakat Penan di Sarawak.

Perkara itu didedahkan oleh seorang penulis Amerika Syarikat, Eric Hansen yang menjelaskan bahawa tidak ada satu sen pun duit yang dikumpul itu disalurkan kepada masyarakat Penan.

Menurut Eric, RAN telah mendakwa masyarakat Penan sedang menghadapi tekanan akibat dirogol, didera dan penghapusan budaya.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak hairan dengan apa yang dilakukan kerana orang seperti itu sememangnya suka mencari peluang daripada masalah yang mereka sendiri cipta.

"Sebenarnya tidak ada apa-apa masalah dengan masyarakat Penan itu tetapi mereka (badan bukan kerajaan) itu hendak jadi jaguh, maka mereka cipta masalah.

"Dan selepas itu mereka mencipta sendiri diri mereka sebagai hero semata-mata untuk mendapatkan duit," katanya.